

# Mudahnya Kita Dibeli



buka  
minda  
RIHUAN TEE  
ABDULLAH

**M**elayu dalam parti ultra kiasu mahukan orang Melayu bertolak ansur supaya isu sekolah vernakular tidak dibangkitkan lagi. Biar kan ia beroperasi bebas tanpa gangguan. Manakala golongan liberal Melayu mahukan Bahasa Inggeris (BI) digunakan sebagai bahasa pengantar di semua sekolah. Hebat sungguh Melayu. Bangsa lain sibuk mempertahankan dan mempromosikan bahasa ibunda mereka. Manakala, bangsa Melayu tidak yakin dengan bahasa sendiri.

Apakah kedudukan BM selaku bahasa kebangsaan dalam perlembagaan? Siapakah yang akan memperjuangkan bahasa anak watan ini? Siapa pula yang akan memastikan semua rakyat boleh bertutur dan faham BM? Tidak mustahil BM dan bangsanya bersekali akan merempat di bumi sendiri suatu masa nanti.

Amat bodohlah saya jika menolak kepentingan BI sebagai bahasa antarabangsa. Tetapi janganlah sampai BM dianaktirikan. Apatah lagi tidak merasakan ia penting. Biarlah tidak tahu bertutur BM tak apa, asalnya boleh berbahasa BI dan ibunda yang lain. Inilah pemikiran liberal Melayu.

Masuklah hari ini ke syarikat GLC kerajaan, boleh dikatakan bahasa Melayu langsung tidak didaulat. BM hanya ada pada

tanda pintu sahaja iaitu KELUAR. Hak lain semua telah diinggeriskan.

Apa sudah jadi dengan Bank Bumiputera yang

sudah bertukar nama? Apakah agenda Bumiputera masih ditamatkan? Berapa ramai Bumiputera berada di dalamnya membuat keputusan? Teringat saya kepada saudara Dato' Henry S Barlow, yang masih kekal menjadi ahli lembaga pengarah GLC Sime Darby.

Sebuah GLC hasil usaha ahli keluarganya dahulu. Barlow tidak pernah lupa agenda Bumiputera dalam Sime Darby, walaupun setelah sekian lama negara merdeka. Inilah orang putih yang tidak pernah lupa sejarah. Kenapa tidak ramai rakyat Malaysia yang telah dibantu kerajaan dan telah berjaya seperti Barlow? Kenapa mereka menjadi ultra kiasu setelah berjaya? Lupa diri? Lupa bangsa? Lupa agama? Jati diri entah ke mana? Paling kurang, belajartlah daripada

ultra kiasu. Misalnya, selepas insiden Plaza Low Yat. Hari ini mereka sibuk hendak mengadakan sambutan hari raya. Sedangkan sambutan ini tidak ada kaitan langsung dengan mereka. Lagipun ia perayaan ibadah umat Islam. Saya tidak kata salah, tetapi pelik. Bayangkan selepas ini orang Melayu jadi hos sambutan Tahun Baharu Cina. Kenapa tiba-tiba ultra kiasu mahu lakukan

perkara terbalik di Low Yat? Apa muslihat di sebalik? Nampak sangat ultra kiasu hanya mementingkan agenda peribadi mereka akibat perniagaan terjejas gara-gara insiden yang terjadi.

Sekalipun anak muda Melayu itu yang bersalah. Insiden ini sepatutnya membuka mata kita. Antara agenda perut, bangsa dan negara. Mana lebih utama?

Pada saya, tidak perlu diadakan sambutan hari raya di sana. Berikan wang tersebut kepada kami untuk kami membuat kajian secara akademik. Apakah di sebalik insiden tersebut dan punca-puncunya? Saya pasti, ahli akademik akan dapat memberikan jawapan yang tulus dan amat berguna kepada kerajaan, bukan hipokrit. Mahu menutupi bara yang sentiasa menyala, tidak pernah padam. Menunggu masa untuk meledak. Saya amat mengarahkan kita tidak mudah dijual beli dengan juadah air siap, lemak dan ketupat. Hina sungguh umat Islam, jika mereka boleh dicairkan hanya dengan jannan makan.

Jika mereka ikhlas, sudah sekian lama ia dilakukan. Kenapa begitu berta-ia hendaklah melakukannya di Low Yat pada kali ini, tidak di tempat lain?

Nampak sangat selama ini, kita menjadi alat untuk mereka menjana dan mengaut keuntungan sebanyak mungkin. Inilah akbarnya apabila kita hanya menjadi

pengguna bukan pengeluar. Sebenarnya kuasa boikot kita amat besar, jika kita pandai menggunakannya. Tetapi agak malang, jika kita mudah dibeli dengan segelas air sirap.

Mengimbu kembali bantuan mereka kepada surau masjid ketika bulan puasa. Molek sungguh mereka berpakaian Melayu, berselendang menyampalkan bantuan RM2,000. Sehingga ada yang mengucil "Amoi pakai baju kurung sangat come!". Saya tidak nafikan akulturasi ini amat baik dan patut digalakkan. Tetapi mengenali mereka, semua ini hipokrit. Pada masa sama, mereka lah mententang etika berpakaian.

Jika mereka hormat kepada negara, pertembagaan dan rukun negara, sudah tentu mereka akan sentiasa menggunakan cara hidup bersopan, bertatasusila dan berbudaya. Ini tidak, mereka pejuang tegar hak asasi manusia, sehingga menenggelamkan identiti negara tercinta ini.

Apakah orang sebegini boleh dipercayai? Apakah jannan hari raya yang mereka hoskan itu benar-benar ikhlas atau sekadar mahu menjaja perut? Hina sungguh kita jika mudah tergedai!

\*Prof Dr Mohd Rihuan Tee  
Abdullah, INSPIRE/PPI, UNISSA